

(b) Padankan potongan ayat di bawah dengan maksud yang betul.

i. وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ

Kekurangan harta

Kehilangan jiwa

ii. وَنَقْصُ مِنَ الْأَمْوَالِ

Kami pasti akan menguji kamu

[2 markah]

(c) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai cara menghadapi musibah.

No.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
i.	Yakin dengan sepenuh hati bahawa musibah yang dihadapi adalah ketentuan daripada Allah SWT.	
ii.	Mengeluh dan berputus asa dengan apa yang dihadapi.	
iii.	Sabar dan tabah serta mengharapkan pahala daripada Allah SWT.	
iv.	Menyalahkan diri sendiri terhadap apa yang menimpa diri.	


[4 markah]

2 (a) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ ﷺ أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ عَلَى وَفْتِهَا. قَالَ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: بِرُّ الْوَالِدَيْنِ. قَالَ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis di atas menjelaskan tentang amalan yang paling disukai oleh Allah SWT.
Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



[2 markah]

Bahagian C
Akidah
[20 markah]
Jawab semua soalan.

1 (a) Nyatakan maksud Alamiyyah.

[2 markah]

(b) Garis jawapan yang betul dalam kurungan.

- i. Islam ialah agama yang lengkap dan memenuhi keperluan hidup manusia dikenali sebagai (Rabbaniyyah / Syumuliyyah).
- ii. Akidah yang benar ialah akidah yang (selari / bercanggah) dengan al-Quran dan Hadis.
- iii. Iman dapat mengawal diri seseorang Muslim daripada melakukan (ibadat / maksiat) kepada Allah SWT.
- iv. Orang beriman kepada Allah SWT akan sentiasa (susah / ikhlas) dalam melakukan ibadat kepada Allah SWT.

[4 markah]

(b) Pilih jawapan yang betul bagi pernyataan di bawah ini.

bersyukur

patuh

perintah

kekuasaan

ingkar

- i. Kejadian alam dan segala isinya membuktikan _____ Allah SWT.
- ii. Semua makhluk ciptaan Allah SWT tunduk dan _____ pada peraturan-Nya.
- iii. Kita hendaklah mematuhi segala _____ Allah SWT dengan bersungguh-sungguh.
- iv. Kita hendaklah menjadi orang yang _____ atas segala nikmat kurniaan Allah SWT.

[4 markah]

Bahagian D
Fiqah
[20 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan **dua** alat yang digunakan untuk beristinja.

[2 markah]

Mandi wajib perlu dilakukan apabila seseorang itu berhadas besar.

- 2 (a) Tulis (**Rukun**) pada pernyataan yang berkaitan perkara rukun mandi wajib dan (**Sunat**) pada pernyataan yang berkaitan perkara sunat ketika mandi wajib.

- i. Niat ketika air sampai ke mana-mana anggota badan.
- ii. Bersihkan qubul dan dubur dengan tangan kanan.
- iii. Meratakan air ke seluruh anggota badan, kulit dan rambut.
- iv. Sempurnakan basuhan pada lipatan badan.

[4 markah]

- (d) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✕) pada pernyataan yang salah berkaitan dengan wuduk.

No.	Pernyataan	(✓) atau (✕)
i.	Wajib berwuduk apabila hendak membawa mushaf al-Quran.	
ii.	Menyapu air ke kepala merupakan perkara sunat wuduk.	
iii.	Hilang akal kerana pitam membatalkan wuduk.	
iv.	Membasuh tangan hingga ke siku merupakan rukun wuduk.	

[4 markah]

- (b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✕) pada pernyataan yang salah tentang Khalifah Usman bin Affan.

No.	Pernyataan	(✓) atau (✕)
i.	Gelaran bagi Khalifah Usman bin Affan Zu al-Nurain.	
ii.	Khalifah Usman bin Affan berketurunan Bani Umaiyah, Quraisy.	
iii.	Khalifah Usman bin Affan merupakan seorang yang berperwatakan keras dan suka beradu kekuatan.	

[3 markah]

- 3 Nyatakan maksud akhlak mahmudah.

[2 markah]

- 4 (a) Jelaskan **dua** contoh akhlak mahmudah kepada Allah SWT.

[4 markah]